

14 MAY 2003

Ulama-Pertemuan (Bergambar)

MALAYSIA ANJUR PERTEMUAN ULAMA SEDUNIA JULAI INI

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Malaysia akan menganjurkan pertemuan ulama dari seluruh dunia Julai ini bagi membincangkan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam dalam era globalisasi.

Seramai 600 peserta dalam dan luar negara dijangka menghadiri Multaqa Ulama Sedunia itu dari 10 hingga 12 Julai di Putrajaya.

Ia akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mencetuskan idea supaya diadakan program penerangan mengenai erti Islam sebenar.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Multaqa Datuk Haji Mohamad Nakhaie Haji Ahmad berkata ulama sebagai pelopor pemikiran masyarakat mempunyai peranan besar dalam usaha itu kerana mereka menjadi rujukan masyarakat Islam.

"Kita ingin ulama-ulama ini memainkan peranan penting membangkitkan kesedaran kepada umat Islam dan juga menjelaskan pengertian Islam yang sebenar kerana sebahagian daripada punca yang menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam ialah kerana kekeliruan mereka tentang ajaran Islam," katanya dalam satu wawancara dengan Bernama di sini kelmarin.

Mohamad Nakhaie yang juga Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) berkata kekeliruan itu antara lain disebabkan pentafsiran mengenai Islam yang dibuat mengikut kepentingan puak dan golongan.

"Masing-masing memberi pentafsiran Islam mengikut kepentingan masing-masing dan bukan makna Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan sunnah," katanya.

Antara tokoh ulama yang dijemput ialah Imam Besar Shaikh Al-Azhar dari Mesir, Dr Sayyid Muhammad Tantawi yang akan menyampaikan ucap-tama bertajuk "Beragama Yang Sebenar Dalam Era Globalisasi".

"Kita harapkan pertemuan ini merupakan satu permulaan kepada penyatuan dan kerjasama di kalangan ulama Islam di seluruh dunia untuk menghadapi cabaran-cabaran global.

"Kita dapati bahawa perkembangan di dunia hari ini terutama setelah berlaku revolusi teknologi maklumat di mana pengedaran maklumat begitu cepat, kita dapati orang Islam menghadapi kejutan ditambah pula dengan tekanan dari kuasa besar," katanya.

Beliau berpendapat keadaan itu menyebabkan timbulnya suatu bentuk pemikiran keganasan untuk menyelamatkan diri dari keadaan tertekan dan kejutan budaya.

"Walaupun niat mereka untuk membebaskan diri tetapi apakah caranya menerusi keganasan... pemikiran mengenai keganasan itu pun perlu ditangani.

"Generasi muda khususnya perlu diberi penjelasan bahawa bukan cara keganasan untuk kita keluar daripada keadaan tertekan dan tertindas," katanya.

Multaqa itu juga akan membolehkan Malaysia berkongsi pengalaman dalam soal pembangunan negara terutama pengurusan ekonomi dan kestabilan politik.

"Di negara-negara Islam, sumber kekayaan begitu banyak dengan adanya minyak, logam dan kedudukan strategik tetapi soalnya bagaimana kita mengurus sumber-sumber ini," katanya.

Mohamad Nakhaie berkata para peserta tempatan yang diundang terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, pertubuhan politik dan institusi pengajian tinggi.

-- BERNAMA

AZZ HS DC RHM

